

Laporan Kewangan Rakyat merupakan penjenamaan semula bagi Laporan Laksana yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan secara mingguan sejak April 2020.



*YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz
Bersama Pengunjung Pesta Buku Antarabangsa KL (PBAKL) 2022
12 Jun 2022*

YB TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL AZIZ Menteri Kewangan Malaysia

LAPORAN
Ke-99

17 Jun 2022


Ulasan Isu Semasa

Pengekalan & Penjanaan Pekerjaan

Pemeriksaan Perniagaan

Inisiatif - Inisiatif Lain

AGENDA REFORMASI FISKAL SEBAGAI TITIK TOLAK BAHARU ATAU *THE GREAT RESET*



Sejak 2020, MOF menumpukan kepada pembinaan daya tahan sosioekonomi supaya rakyat dan perniagaan kita boleh bangkit semula dengan lebih kukuh berbanding sebelum ini, lebih-lebih lagi sekiranya krisis seperti COVID-19, atau lebih serius, datang melanda pada masa hadapan. Apa yang penting ialah pengukuhan daya tahan fiskal, kerana tanpanya kita tidak akan mampu untuk membantu rakyat kembali pulih dan berkembang maju.

Untuk membina asas bagi pembaharuan jangka panjang melalui keputusan yang dibuat pada hari ini, MOF dipandu tiga prinsip utama: RESPONSIF; BERTANGGUNGJAWAB dan REFORMIS. Seboleh-bolehnya, pelbagai dasar adalah berasaskan kepada prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) serta pertimbangan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Oleh itu, langkah RESPONSIF jangka pendek dikendalikan MOF juga mesti memenuhi kriteria BERTANGGUNGJAWAB. Dalam tempoh dua tahun yang lalu, MOF telah memetakan kebanyakan langkah belanjawan terhadap SDG tertentu untuk memastikan kesejahteraan masa depan negara.

Walaupun bersikap RESPONSIF dalam jangka pendek, MOF juga BERTANGGUNGJAWAB dari segi fiskal. MOF merancang untuk membentangkan Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) kepada Parlimen menjelang akhir tahun ini. Ia akan turut merangkumi strategi hasil jangka sederhana dan prinsip panduan mengenai aspek seperti asas hasil lebih luas serta had hutang statutori.

Dari segi kewangan, sesebuah negara mesti diselia dan dikawal dengan ketat, supaya kita mempunyai sumber mencukupi untuk melaksanakan program REFORMASI sesuai dan memenuhi agenda ESG negara. Semua ini, dan banyak lagi, juga dikongsikan dalam Kenyataan Pra-Bajet diterbitkan baru-baru ini, yang menetapkan keutamaan MOF untuk Bajet 2023.

REFORMASI berlandaskan ESG mampu membina daya tahan sosioekonomi jangka panjang, dan ini adalah pertahanan terbaik terhadap kejutan dan pandemik masa depan. Malah, usaha negara ke arah kelestarian sudahpun bermula dengan syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) seperti Khazanah, KWSP dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang sudahpun melancarkan rangka kerja dan sasaran kemampuan masing-masing.

Sudah pasti akan sentiasa ada cabaran di sepanjang jalan ke arah pembangunan mampan tetapi saya optimis terdapat ramai Keluarga Malaysia bertanggungjawab, dengan keazaman dan pandangan jauh, tidak mudah terpengaruh dengan pandangan jangka pendek dan populis yang boleh menjejaskan masa depan anak-anak kita dan generasi akan datang.

Bak kata pepatah, berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.

PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA 5.3% - 6.3% KEKAL BERADA DI LANDASAN

Pertumbuhan ekonomi Malaysia antara 5.3 peratus hingga 6.3 peratus bagi tahun ini kekal di landasan. Walaubagaimanapun, situasi ini boleh berubah dan Kerajaan sentiasa memantau perkembangan ekonomi semasa negara dan dunia. Ini adalah bagi memastikan tindak balas monetari dan fiskal yang wajar diambil untuk menjamin pertumbuhan ekonomi.

Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan terbuka, Malaysia serta negara lain turut terkesan akibat penyemaman semula unjuran pertumbuhan ekonomi dunia serta negara-negara maju seperti Amerika Syarikat (AS) dan Eropah, termasuklah China.

Dari segi inflasi, susulan peningkatan yang mendadak di AS, di mana indeks harga pengguna mereka pada bulan Mei melonjak 8.6 peratus tahun ke tahun, bank pusat mereka, atau US Federal Reserve telah meningkatkan kadar dasar semalaman sehingga 75 mata asas, di mana kini ia adalah antara 1.5 hingga 1.75 peratus (berbanding 0.75 hingga 1.00 peratus sebelum ini).

Namun, ini dijangka tidak akan memberikan impak kepada Malaysia dalam jangka masa sederhana kerana peserta pasaran dan para pelabur tempatan dan antarabangsa telahpun mengambil kira langkah oleh US Federal Reserve tersebut lebih awal. Di samping itu, unjuran inflasi Malaysia kekal antara 2.3 hingga 3.3 peratus, di sumbang oleh pelbagai bentuk subsidi oleh Kerajaan yang dijangka mencecah RM71 bilion tahun ini.

RM2.23 TRILION DAGANGAN MALAYSIA DAN PELABURAN DILULUSKAN: PARAS TERTINGGI DALAM SEJARAH



Jumlah dagangan Malaysia tahun lepas mencecah paras tertinggi dalam sejarah iaitu sebanyak RM2.23 trilion (USD537.18 bilion), manakala pelaburan yang diluluskan (dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan utama) juga tertinggi dalam sejarah iaitu RM306.5 bilion (USD70.24 bilion). Perkembangan ini telah meletakkan kita pada landasan yang stabil ke arah pemulihan dan pertumbuhan ekonomi. Bank Negara Malaysia turut mengunjurkan pertumbuhan KDNK 2022 antara 5.3 hingga 6.3%.

Perdagangan bilateral antara EU dan Malaysia juga meningkat kepada RM180.2 bilion (26%) tahun lalu. Di peringkat ASEAN pula, jumlah dagangan keseluruhan oleh EU adalah USD220.9 bilion. Ini menunjukkan bahawa EU bukan sahaja rakan pelaburan penting buat Malaysia, malah juga untuk rantau ini.

Memandang ke hadapan, Kerajaan komited untuk memerkasa agenda kelestarian dan pendigitalan. Kerajaan juga komited memacu pemulihan ekonomi negara menerusi penglibatan pelabur luar melalui Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) untuk memastikan pelaburan dapat membawa pulangan holistik, mewujudkan peluang pekerjaan, dan meletakkan Malaysia sebagai hab perdagangan karbon di rantau ini.

BANK DUNIA YAKIN EKONOMI MALAYSIA BERKEMBANG 5.5% TAHUN INI



Bank Dunia yakin ekonomi Malaysia berkembang 5.5% tahun ini disokong pemulihan kukuh dari segi penggunaan, sekali gus berada dalam lingkungan unjuran rasmi kerajaan iaitu pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara 5.3 hingga 6.3%, disokong oleh pengembangan berterusan dalam permintaan luar, penarikan balik sepenuhnya langkah-langkah pembendungan, pembukaan semula sempadan antarabangsa dan keadaan pasaran buruh/ tenaga kerja yang semakin baik..

Pengarah Negara Bank Dunia bagi Brunei, Malaysia, Filipina dan Thailand, Ndiame Diop, berpendapat penarikan sepenuhnya sekatan pergerakan dan pembukaan semula ekonomi dijangka meletakkan semula Malaysia pada landasan pemulihan lebih pantas. Konsolidasi fiskal untuk menyokong pemulihan inklusif di seluruh negara perlu kekal sebagai keutamaan, namun perlu dilaksanakan secara beransur-ansur.

Faktor ini juga menjadikan pemulihan ekonomi lebih kukuh, dan dasar perlu memfokus semula dalam menangani kesan fiskal krisis COVID-19 melalui peningkatan kutipan hasil dan kecekapan perbelanjaan.

INDUSTRI PELANCONGAN MALAYSIA CATAT PERTUMBUHAN POSITIF: SASAR 2 JUTA PELANCONG PADA TAHUN 2022



Industri pelancongan merupakan salah satu enjin pertumbuhan ekonomi utama dan sejak sempadan negara dibuka pada 1 April 2022, kadar kemasukan pelancong ke Malaysia dilihat semakin meningkat. Sasaran “Kempen Truly Asia 2022” iaitu kemasukan pelancong luar ke Malaysia seramai 2 juta orang telah mencapai 600,000 orang pelancong setakat ini. Dalam mengejar sasaran dua juta pelancong antarabangsa ke Malaysia tahun ini, fokus juga harus diberi bagi memperkasa sektor pelancongan domestik dalam memastikan sumbangannya kepada ekonomi negara bersifat inklusif, seiring Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

PROGRAM JAMINKERJA - INSENTIF PENGGAJIAN

Kerajaan melalui PERKESO akan meneruskan usaha pengambilan pekerja melalui inisiatif Insentif Penggajian JaminKerja dengan peruntukan sejumlah RM2 billion bagi tahun 2022. Pendaftaran bagi insentif ini telah dibuka dengan insentif sebanyak 20% daripada gaji bulanan bagi tempoh enam bulan pertama dan 30% bagi enam bulan berikutnya tertakluk kepada pekerjaan bergaji RM1,500 ke atas. **Setakat 31 Mei 2022**, insentif penggajian dengan usahasama PERKESO telah berjaya menempatkan **75,932 pekerja** dan usaha ini akan mewujudkan 300,000 peluang pekerjaan baharu dan mengurangkan pengangguran dalam kalangan pekerja warganegara Malaysia. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.perkeso.gov.my/images/bajet2022/jaminkerja/180122-%20FAQ%20JaminKerja.pdf>

MALAYSIA SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAMME (MYSTEP)

Di bawah Bajet 2022, MySTEP menawarkan 80,000 peluang pekerjaan secara kontrak merangkumi 50,000 pekerjaan dalam sektor awam dan 30,000 pekerjaan dalam GLC dan rakan-rakan strategik mulai Januari 2022. Pemohon MySTEP tersebut akan ditempatkan di pelbagai Kementerian dan Agensi seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Pengajian Tinggi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia. Bagi GLC pula, permohonan telah ditempatkan di organisasi seperti PETRONAS, Permodalan Nasional Berhad, KWSP dan Khazanah Nasional.

Pada tahun lepas, MySTEP telah berjaya mencapai sasaran keseluruhan 50,000 peluang pekerjaan bagi tahun 2021 dengan menempatkan seramai 63,221 peserta. Dari jumlah ini, seramai 41,680 peserta telah berjaya ditempatkan di sektor awam manakala 21,541 peserta pula ditempatkan di GLC dan rakan-rakan strategik mereka. Bagi tahun ini pula **setakat 31 Mei 2022**, seramai **21,970 peserta** telah berjaya ditempatkan melalui program ini. Daripada jumlah ini, seramai **11,944 orang** peserta telah ditempatkan di sektor awam manakala **10,026 orang** peserta pula berjaya ditempatkan di GLC dan rakan-rakan strategik mereka.

Bagi memastikan tempat buat anak muda OKU menceburi bidang pekerjaan, Kerajaan juga telah menyediakan kuota khas sebanyak 1% atau 800 peluang penempatan untuk program MySTEP kepada golongan OKU. Kerajaan amat menggalakkan agar warga OKU turut mengambil kesempatan ini dan memohon penyertaan melalui Portal MySTEP di pautan <https://mystep.mof.gov.my>. Untuk maklumat lanjut berhubung MySTEP atau inisiatif Kerajaan lain, sila layari Laman Rasmi Bajet 2022 Kementerian Kewangan di pautan <https://budget.mof.gov.my/manfaat/>

SPS PADANAN CARUMAN

Kerajaan telah menyediakan bantuan padanan caruman sebanyak 80% di bawah Pelan 2 (RM232.80) di mana hanya 20% (RM46.60) sahaja perlu dibayar oleh kumpulan sasaran Orang Bekerja Sendiri (OBS). Kumpulan sasar di bawah SPS Padanan Caruman ini dikhususkan kepada lapan kategori berikut:

| Kumpulan Sasaran OBS | |
|----------------------|--|
| SPS Asal | <ul style="list-style-type: none"> • Orang Asli (Semenanjung) • Orang Asal (Sabah dan Sarawak) yang bekerja di bawah 20 sektor |
| SPS Gig | Orang yang bekerja sendiri menggunakan aplikasi digital di bawah syarikat pengantara di bawah 20 sektor |
| SPS Jaja | Sektor Penjaja (Pasar, Gerai/ Kiosk dan Food Truck) |
| SPS Lain Upaya | Orang Kurang Upaya yang Bekerja sendiri di bawah 20 sektor |
| SPS Lancong | Sektor Pelancongan termasuklah homestay, ejen pelancongan dan sebagainya |
| SPS Seni | Sektor kesenian yang terdiri daripada artis, penyanyi, pelakon, penari, kru produksi, kraftangan, pelukis dan sebagainya |
| SPS Tani | Sektor Pertanian, Sektor Perikanan (termasuk akuakultur), Sektor Penternakan dan Sektor Perhutanan |
| SPS Usahawanita | Wanita yang bekerja di bawah 20 sektor |

Manakala berikut merupakan 20 sektor yang dilindungi di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri:

| | |
|---|--------------------------------------|
| Pengangkutan Penumpang | Pengangkutan dan Penghantar Barangan |
| Pertanian | Penternakan |
| Perhutanan | Perikanan |
| Pembuatan | Makanan |
| Penjaja | Pembinaan |
| Perniagaan Dalam Talian | Premis Penginapan |
| Pemprosesan Data | Teknologi Maklumat |
| Perkhidmatan Profesional | Ejen |
| Kesenian | Perkhidmatan Sokongan |
| Sektor Penjagaan, Perawatan dan Pemulihan Kesihatan | Perkhidmatan Isi Rumah |

Setakat 7 Jun 2022, sebanyak **146,266 OBS** telah pun mencarum dengan jumlah kutipan keseluruhan sebanyak **RM34.051 juta**. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://budget.mof.gov.my/manfaat/en/faq/sps-padanancaruman.html>

SKIM PERLINDUNGAN SOSIAL KHIDMAT

Kerajaan melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) juga menyediakan bantuan penuh caruman di mana pembiayaan caruman sepenuhnya (100%) di bawah Pelan Caruman 2 dan 4 dengan tempoh perlindungan selama 12 bulan kepada Orang Bekerja Sendiri (OBS). Di bawah inisiatif ini, kumpulan sasar yang dikhususkan kepada 4 kategori pekerja iaitu Anggota Pasukan Sukarelawan, Perkhidmatan Rumah Ibadat Islam (JAKIM), Penyelia dan Petugas Pemulihan Komuniti dan Anggota Sektor Awam.

| Perkara | Pelan Caruman 2 (RM232.80 setahun) | Pelan Caruman 4 (RM592.80 setahun) |
|-------------------------------------|---|---------------------------------------|
| Sumbangan Kerajaan | 100% | |
| Faedah Perubatan | Rawatan perubatan di klinik panel/ hospital kerajaan PERKESO dan membuat tuntutan penggantian perbelanjaan yang dikeluarkan | |
| Faedah Hilang Upaya Sementara (HUS) | Rawatan perubatan di klinik panel/ hospital kerajaan PERKESO dan membuat tuntutan penggantian perbelanjaan yang dikeluarkan | |

Permohonan individu boleh dibuat melalui agensi pentadbiran masing-masing manakala permohonan secara pukal perlu dikemukakan kepada bahagian SPS PERKESO melalui sps@faedah@perkeso.gov.my untuk proses pendaftaran lanjut. **Setakat 7 Jun 2022**, sebanyak **44,975 OBS** telah mencarum bagi skim ini dengan nilai kutipan sebanyak **RM11.053 juta**.

Untuk makluman lanjut, sila layari

<https://budget.mof.gov.my/manfaat/en/faq/sps-khidmat.html>


PROGRAM RESKILLING AND UPSKILLING VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (PRUV-ATM)

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM15 juta di bawah Bajet 2022 bagi Program Peningkatan Kemahiran dan Latihan Semula khusus untuk pesara tentera melalui Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT). Program ini dilaksanakan untuk menambahbaik status sosio-ekonomi veteran di mana veteran akan dilatih untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dimiliki bagi sektor pekerjaan dan keusahawanan yang diceburi.

Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang layak memohon ialah veteran yang telah menjalani Latihan Peralihan antara tahun 2015 hingga 2021. **Sehingga 10 Mei 2022**, sebanyak **8,736 veteran ATM** ini telah memanfaatkan program ini. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://budget.mof.gov.my/manfaat/faq/pruv-atm.html>

PROGRAM SUBSIDI UPAH 1.0 (PSU 1.0)

Di bawah Pakej PRIHATIN, Program Subsidi Upah (PSU) adalah bantuan kewangan yang dibayar kepada majikan setiap perusahaan bagi setiap pekerja tempatan yang bergaji RM4,000 dan ke bawah. Subsidi sehingga RM1,200 sebulan tersebut akan diberikan untuk tempoh 3 bulan bagi membantu majikan yang terkesan dari segi ekonomi akibat COVID-19 supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan. Program tersebut dilanjutkan untuk 3 bulan tambahan di bawah Pakej PENJANA dan secara keseluruhannya, subsidi yang diberikan kepada majikan adalah untuk tempoh 6 bulan. **Setakat 3 Jun 2022**, seramai **322,177 majikan** dan **2.64 juta pekerja** telah menerima manfaat PSU di bawah PRIHATIN dan PENJANA di mana permohonan subsidi upah yang diluluskan telahpun mencapai nilai **RM12.958 bilion**.




*Jumlah kumulatif

*Jumlah majikan dan pekerja kekal pada takat maksima. Namun, pembayaran dibuat secara berfasa dan berterusan untuk memastikan bahawa hanya perusahaan yang layak sahaja menerima subsidi tersebut

PROGRAM SUBSIDI UPAH 2.0 (PSU 2.0)


Di bawah Pakej Kita PRIHATIN pula, bantuan subsidi upah tersebut dilanjutkan untuk 3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada yang menerima PSU manakala bantuan PSU selama 6 bulan diberikan kepada semua permohonan antara 1 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020. **Setakat 3 Jun 2022**, sejumlah **RM1.407 bilion** telah disalurkan kepada **81,156 majikan** untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi **718,689 pekerja**.



*Jumlah kumulatif

PROGRAM SUBSIDI UPAH 3.0 (PSU 3.0)

Di bawah Belanjawan 2021 dengan peruntukan sebanyak RM1.5 bilion, Kerajaan telah melanjutkan pelaksanaan PSU selama 3 bulan lagi dengan lebih bersasar, khususnya bagi sektor pelancongan termasuk sektor peruncitan dengan kadar RM600 sebulan bagi pekerja bergaji RM4,000 dan ke bawah. **Setakat 3 Jun 2022**, sebanyak **RM3.756 bilion** telah disalurkan kepada **162,305 majikan** untuk mengekalkan penggajian bagi **1,527,657 pekerja**. PSU 3.0 turut ditambahbaik dengan Pakej Bantuan PERMAI, PEMERKASA dan PEMERKASA+ seperti berikut:




*Jumlah kumulatif

PSU 3.0 turut ditambahbaik dengan Pakej Bantuan PERMAI, PEMERKASA dan PEMERKASA+ seperti berikut:

| Peruntukan | Tarikh Permohonan | Sektor Sasaran | Tempoh Subsidi Upah |
|------------------------------------|-------------------------------|---|---|
| Belanjawan 2021 (PSU 3.0 Bersasar) | 1 Januari 2021 - 30 Jun 2021 | Sektor Pelancongan & Runcit | 3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada 6 bulan bagi permohonan baru |
| PSU 3.0 PERMAI | 19 Januari 2021 - 30 Jun 2021 | Semua sektor di negeri PKP | 1 bulan sahaja |
| PEMERKASA (PSU 3.0 PEMERKASA) | 1 April 2021 - 30 Jun 2021 | Sektor Pelancongan & Runcit Serta Perniagaan lain yang ditutup semasa PKP 2.0 | 3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada dan baru |
| PEMERKASA+ | 1 Jun 2021 - 31 Julai 2021 | Semua Sektor | 1 bulan tambahan bagi majikan sedia ada dan baru |


PROGRAM SUBSIDI UPAH 4.0 (PSU 4.0)

Di bawah Pakej PEMULIH pula, Kerajaan telah melaksanakan PSU 4.0 dengan peruntukan sebanyak RM3.8 bilion yang dijangka memanfaatkan 2.5 juta pekerja. Melalui PSU 4.0, Kerajaan akan menampung sehingga 500 pekerja bagi setiap majikan dengan kadar sebanyak RM600 setiap pekerja selama tempoh empat bulan, iaitu 2 bulan bagi semua sektor dalam fasa kedua PPN dan dua bulan seterusnya khusus bagi sektor-sektor yang dikategorikan dalam senarai negatif semasa tempoh fasa ketiga nanti. Had gaji RM4,000 juga telah dilonggarkan yang membolehkan majikan untuk memohon PSU 4.0 bagi pekerjanya yang bergaji lebih dari RM4,000. **Setakat 3 Jun 2022**, sebanyak **RM2.546 bilion** telah disalurkan kepada **162,531 majikan** untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi **1,911,572 pekerja**.



PROGRAM SUBSIDI UPAH 5.0 (PSU 5.0)

Dengan peruntukan sebanyak RM600 juta di bawah Bajet 2022, Kerajaan melalui PERKESO akan meneruskan pelaksanaan Program Subsidi Upah bersasar kepada pengusaha pelancongan yang mengalami penurunan pendapatan sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah jualan atau pendapatan pada bulan Oktober 2021 sehingga Disember 2021 berbanding mana-mana bulan pada tahun 2019 sehingga 2021 sebelum penularan wabak COVID-19. Permohonan telahpun dibuka sejak 1 Januari 2022 sehingga 31 Mac 2022 namun majikan dari sektor yang tidak tersenarai tetapi masih terjejas akibat penularan COVID-19 masih boleh mengemukakan rayuan secara atas talian kepada PERKESO. **Setakat 3 Jun 2022**, sebanyak **RM181.787 juta** telah disalurkan kepada **7,382 majikan** untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi **105,084 pekerja**. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.perkeso.gov.my/bajet-2022/sip-bajet-2022.html>.










Secara keseluruhannya, Kerajaan telah menyalurkan sebanyak **RM20.849 bilion** kepada **357,768 majikan** melalui Program Subsidi Upah bagi mengekalkan penggajian **2,957,177 pekerja tempatan** dalam usaha untuk mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan pekerja warganegara Malaysia.

PROTÉGÉ READY-TO-WORK

Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ) merupakan inisiatif Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) untuk melaksanakan program-program peningkatan kebolehpasaran dan memupuk kemahiran keusahawanan dalam kalangan graduan. Antara program-program yang dianjurkan oleh PROTÉGÉ adalah Program Protégé Ready-to-Work yang menyediakan peluang penempatan latihan selama 8 hingga 12 bulan di syarikat yang mengambil bahagian dalam program ini seperti Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) serta syarikat-syarikat penerima perolehan Kerajaan di bawah Pekeliling Perbendaharaan (PK1.2). Program ini juga menawarkan modul latihan berkaitan keusahawanan untuk memupuk semangat keusahawanan di kalangan graduan. Pada tahun lepas, sebanyak **4,611 graduan** telah berjaya ditempatkan melalui program Ready-to-work manakala tahun ini adalah sebanyak **4,053 graduan** baharu telah pun ditempatkan bagi tahun ini **setakat 31 Mei 2022**. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web PROTEGE di <http://protege.gov.my/www/index.php>

PROGRAM KEMAHIRAN DAN PENINGKATAN KEMAHIRAN PENJANA

Pada tahun lepas, seramai **151,505 peserta** telah diluluskan untuk mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan. Senarai kursus-kursus yang mendapat permintaan boleh dilihat melalui pautan Kementerian Kewangan. Selain itu, pemohon juga boleh layari laman sesawang agensi-agensi Kerajaan seperti yang dimaklumkan di dalam laporan bertulis, untuk mendapatkan maklumat mengenai kursus-kursus yang ditawarkan. Bagi mereka yang sedang mencari pekerjaan terutamanya golongan belia, anda semua dijemput menyertai kursus-kursus ini.

| Kementerian/Agensi | Program / Skim / Inisiatif |
|--|---|
|  Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) <small>(www.penjanahrdf.com.my)</small> | <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">SME Development</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Industrial Revolution 4.0 (IREV4.0)</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Place & Train</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Gerak Insan Gemilang (GIG)</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">B40 Development</div> </div> |
|  Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC) <small>(https://www.medac.gov.my)</small> | <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">INSKEN Business Training</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Program Mikro Connector</div> </div> |
|  Majlis Amanah Rakyat (MARA) <small>(http://penjana.mara.gov.my/)</small> | <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Modul Khas Penjagaan Kesihatan dan Keselamatan Kebiasaan Baharu</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Programme (e-entrepreneur) – Training e-Commerce Platform</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Building Capabilities and Providing Jobs Through Industry Boot Camp</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Programme (e-entrepreneur) – Bespoke</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Building Capabilities and Providing Jobs Through Competencies/ Short Courses Programme</div> </div> |
|  East Coast Economic Region Development Council (ECER) <small>(https://www.ecerd.com.my/penjana/Website/Index.html)</small> | <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">ETEP Enhanced Train & Place (PENJANA)</div> |
|  Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) <small>(https://www.ncer.com.my/jomkerja_jomniaga/)</small> | <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">JomNiaga@ NCER</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">JomKerja@ NCER</div> </div> |
|  Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) <small>(http://www.motac.gov.my/)</small> | <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Pembangunan Kemahiran Komuniti</div> |
|  Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) <small>(https://great.mohe.gov.my)</small> | <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Program Ekonomi Gig</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Program Keusahawanan</div> </div> |

Kerajaan melalui pelbagai Kementerian dan Agensi Kerajaan akan meneruskan usaha latihan dan peningkatan kemahiran bagi tahun 2022 dengan **peruntukan keseluruhan berjumlah RM1.1 bilion** yang menyasarkan **220 ribu peluang pekerjaan**. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

| Latihan dan Peningkatan Kemahiran | Agensi | Sasaran |
|---|---------------------|----------------|
| HRDC | HRDC | 36,000 |
| Koridor Wilayah | Koridor | 16,000 |
| PRUV-ATM | PERHEBAT | 5,000 |
| SLDN Plus | JPK | 10,000 |
| KPT-CAP | KPT | 20,000 |
| KPR-PACE | KPT | 45,000 |
| TVET Training | JPPKK | 25,000 |
| MITI Reskilling | MITI | 24,000 |
| MDEC | MDEC | 12,000 |
| Upskilling for Deeptech and Future Skills | MOSTI | 5,000 |
| Peneraju Skill dan Peneraju Teknologi | JPM | 3,000 |
| Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri | FMSDC | 5,000 |
| PERKASA TVET | PTPK | 13,000 |
| Program Inkubator Graduan Kreatif | MyCreative Ventures | 1,000 |
| JUMLAH | | 220,000 |

Kementerian Kewangan dan Kementerian Sumber Manusia juga telah diberi tanggungjawab menyediakan 'single window' bagi memastikan program latihan dan peningkatan kemahiran yang dijalankan pelbagai kementerian dan agensi dilaksanakan dengan efektif dan optimum. Untuk maklumat lanjut berhubung Program Latihan dan Peningkatan Latihan yang disediakan oleh Kerajaan, sila layari laman sesawang UpSkillMalaysia di <https://upskillmalaysia.gov.my/>

CAREER ADVANCEMENT PROGRAMME (KPT-CAP)

Kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta bagi menjayakan program KPT-CAP (Career Advancement Programme) atau Program Peningkatan Kerjaya sebagai usaha untuk menangani isu graduan menganggur. Program peningkatan kemahiran ini adalah hasil kerjasama pelbagai Kementerian, Agensi serta pihak industri bagi melahirkan graduan berketerampilan untuk memenuhi pasaran kerja yang bersesuaian.

Program ini dilaksanakan melalui 3 aliran utama iaitu Place and Train, Latihan Keusahawanan serta latihan penyediaan bagi Ekonomi Gig. Place and Train ialah program latihan kompetensi bersasar kepada peserta sebelum memulakan pekerjaan yang ditawarkan oleh industri manakala Latihan Keusahawanan menyasarkan penubuhan syarikat pemula dari kalangan graduan. Peserta yang turut menyertai latihan keusahawanan turut berupaya mendapatkan bantuan pembiayaan kewangan daripada institusi perbankan dan agensi Kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), TEKUN Nasional, Amanah Ikhtiar Malaysia dan sebagainya. Aliran terakhir adalah Ekonomi Gig iaitu program latihan kompetensi yang mampu membantu peserta untuk menjana pendapatan melalui ekonomi Gig atau aktiviti berbentuk freelancing.

Graduan yang turut menyertai program ini akan dibiayai sepenuhnya untuk menjalani satu daripada tiga sub program yang bernilai sehingga RM5,000 untuk setiap peserta. Tambahan pula, setiap permohonan akan ditapis melalui sistem Single Window, Single Offer di mana latihan yang ditawarkan adalah bergantung kepada jurusan yang diambil semasa di universiti. Peserta yang terlibat akan dijamin pekerjaan untuk tempoh masa antara 6 hingga 12 bulan dengan gaji yang ditetapkan sekitar RM2,000 hingga RM2,500. Pada tahun lepas, sebanyak **19,266 graduan** telah mendapat peluang pekerjaan melalui program KPT-CAP.

Dalam usaha Kerajaan untuk menangani isu graduan menganggur, Kerajaan akan meneruskan inisiatif KPT-CAP dengan sasaran untuk menawarkan 20,000 peluang pekerjaan kepada golongan graduan bagi tahun 2022. **Setakat 31 Mei 2022**, KPT-CAP telah berjaya menempatkan **2,750 graduan** bagi tahun pada tahun ini. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://great.mohe.gov.my/>


SKIM PERANTISAN NASIONAL

Skim Perantisan Nasional (SPN) adalah sebuah skim perantisan yang dilaksanakan di bawah Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Sumber Manusia serta Agensi-agensi persekutuan di bawah ketiga-tiga kementerian tersebut.

Skim yang berkonsepkan “Place and Train” ini memberi jaminan peluang pekerjaan kepada belia sebagai perantis di pelbagai syarikat dan organisasi yang terlibat. SPN juga menyediakan sistem sokongan dengan memberi pengalaman kepada belia serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran golongan belia melalui latihan soft-skill dan on-the-job training. Melalui SPN, para belia bakal dilatih bagi meningkatkan kebolehpasaran, memperoleh peluang untuk diserap terus dalam pekerjaan dan memperoleh pendapatan. Pada tahun lepas, seramai **14,990 warga belia** telah berjaya mendapat peluang pekerjaan melalui SPN. Pada tahun ini **setakat 31 Mei 2022**, seramai **3,625 belia** telah pun berjaya ditempatkan dengan menggunakan Insentif Penggajian JaminKerja PERKESO khusus buat golongan perantis. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://perantisan.kbs.gov.my/kriteria.php>

MYDIGITALWORKFORCE IN TECH (MYWiT)

Sejajar dengan program celik digital dan peningkatan kemahiran, Kerajaan dengan kerjasama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) telah memperkenalkan inisiatif MyDigitalWorkforce in Tech (MYWiT) untuk menambahbaik kemahiran dan keupayaan pekerja Malaysia dengan menggalakkan syarikat untuk mengambil pekerja Malaysia bagi pekerjaan teknologi dan perkhidmatan digital melalui insentif gaji dan subsidi kursus latihan. Insentif yang disediakan adalah subsidi sebanyak 40% daripada gaji bulanan selama 6 bulan, terhad kepada gaji minimum sebanyak RM2,000 dengan insentif maksimum sebanyak RM2,600 sebulan manakala subsidi kursus latihan yang ditawarkan adalah sehingga RM8,000 seorang. **Setakat 31 Mei 2022**, program MYWiT ini telah mendapat sebanyak **3,763 permohonan** dan daripada jumlah tersebut, seramai **892 peserta** telah pun berjaya ditempatkan dalam pekerjaan teknologi dan perkhidmatan digital. Untuk maklumat lanjut, sila layari pautan <https://mdec.my/ms/mywit/>



*Jumlah kumulatif

PEMERKASAAN PERNIAGAAN

PROGRAM USAHAWAN LEPASAN INSTITUSI PENDIDIKAN MARA/ BELIA

Dalam menyokong usaha kerajaan dalam melahirkan lebih banyak usahawan kecil dinamik dari generasi muda, Majlis Amanah Rakyat (MARA) menyediakan kemudahan pembiayaan dengan kadar keuntungan sebanyak 0% kepada perniagaan mikro bagi semua sektor seperti peruncitan, perkhidmatan keculi sektor pertanian dan penternakan. Kemudahan ini disediakan khusus bagi golongan belia yang telah menjalankan perniagaan tidak kurang dari tiga (3) bulan dan telah mengikuti latihan industri atau program inkubator di Institusi Pendidikan MARA (IPMa) manakala had pembiayaan yang disediakan adalah sebanyak RM10,000 dengan tempoh pembiayaan sehingga 3 tahun. **Setakat 20 Mei 2022**, sebanyak **RM3.09 juta** telah diluluskan bagi **350 usahawan baharu**. Untuk maklumat lanjut, sila layari https://www.mara.gov.my/bm/menu_keusahawanan/kemudahan-sokongan/pembiayaan-perniagaan/putra/#tab-id-1

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN TEKNIKAL (PU TEK)

Bagi mewujudkan usahawan baharu dalam bidang teknikal yang berasaskan kepada kemahiran yang dimiliki, MARA juga menyediakan kemudahan pembiayaan dengan **kadar keuntungan sebanyak 0%** bagi usahawan yang mempunyai Ijazah/ Diploma atau Sijil Kemahiran Teknikal daripada Institusi Pendidikan MARA yang telah menjalankan perniagaan sepenuh masa tidak kurang dari enam (6) bulan dan tidak melebihi lima (5) tahun. Skop pembiayaan yang disediakan sehingga RM500,000 adalah untuk pembelian mesin dan peralatan manakala modal pusingan yang disediakan bagi usahawan muda adalah 60% pembiayaan dengan 40% geran (sekiranya bayaran adalah baik). **Setakat 20 Mei 2022**, sebanyak **RM1.797 juta** telah disalurkan kepada **25 usahawan teknikal MARA**. Untuk maklumat lanjut, sila layari https://www.mara.gov.my/bm/menu_keusahawanan/kemudahan-sokongan/pembiayaan-perniagaan/putek/#tab-id-7


SKIM PEMBIAYAAN PERNIAGAAN KHAS WANITA (DanaNITA)

Kerajaan telah memperuntukkan dana pembiayaan sebanyak RM230 juta antaranya melalui program Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita (DanaNITA) di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan TEKUNITA menerusi Tekun Nasional bagi membantu usahawan Wanita yang terkesan akibat COVID-19 selain meningkatkan kapasiti perniagaan mereka. Bagi MARA, DanaNITA menyediakan pembiayaan bagi modal pusingan mahupun pembelian mesin dan peralatan sehingga RM150,000.00 dengan kadar sebanyak 3.5%. **Setakat 20 Mei 2022**, sebanyak **RM10 juta** telah pun diluluskan bagi membantu **265 usahawan wanita**. Untuk maklumat lanjut, sila layari

https://www.mara.gov.my/bm/menu_keusahawanan/kemudahan-sokongan/pembiayaan-perniagaan/dananita/

SKIM JAMINAN PRIHATIN DANAJAMIN (DPGS)

Skim Jaminan Prihatin DanaJamin (DPGS) yang diperkenalkan oleh Kerajaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin (PRIHATIN) menyediakan kemudahan skim jaminan berjumlah RM50 bilion dengan jaminan sehingga 80% daripada jumlah pinjaman bagi tujuan membiayai modal kerja. Skim ini disasarkan kepada perniagaan yang berdaya maju dalam semua sektor yang menghadapi kesukaran akibat penularan wabak COVID-19. Di bawah Belanjawan 2021, program ini turut dilanjutkan di mana syarat-syaratnya turut ditambah baik. **Setakat 3 Jun 2022**, sebanyak 92 syarikat telah memohon untuk DPGS di mana jumlah jaminan yang telah diluluskan adalah sebanyak **RM2.080 bilion** bagi **61 buah syarikat**. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://belanjawan2021.treasury.gov.my/manfaat/index.php/bm/dpgs>



*Jumlah kumulatif

- i) Malayan Banking Berhad;
- ii) CIMB Bank Berhad;
- iii) OCBC Bank (Malaysia) Berhad;
- iv) Alliance Bank Malaysia Berhad;
- v) AmBank (M) Berhad;
- vi) Hong Leong Bank Berhad;
- vii) United Overseas Bank (Malaysia) Bhd;
- viii) Affin Bank Bhd/ Affin Hwang Investment Bank Berhad;
- ix) RHB Bank Berhad;
- x) Bangkok Bank Berhad; dan
- xi) MIDF Amanah Investment Bank Bhd.

Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) juga telah menyediakan kemudahan pembiayaan tambahan atau yang ditambah baik bagi memberikan bantuan dan menyokong pemulihan PKS sebanyak RM4.5 bilion. Penambahan ini meningkatkan jumlah dana yang tersedia pada pertengahan bulan September 2021 kepada RM11.2 bilion. Kemudahan yang tersedia adalah seperti berikut:

KEMUDAHAN BANTUAN DAN PEMULIHAN BERSASAR (TRRF)

Kemudahan pinjaman bernilai RM6 bilion ini ditambah sebanyak RM2 bilion kepada RM8 bilion bagi membantu PKS yang terjejas dalam sektor perkhidmatan. Kini di bawah TRRF yang dipertingkatkan, PKS boleh menggunakan hingga 30% daripada pembiayaan yang diluluskan untuk membayar balik pembiayaan perniagaan sedia ada (iaitu pembiayaan semula). Saiz pembiayaan yang ditawarkan adalah sehingga RM500,000 bagi setiap PKS manakala RM75,000 bagi perusahaan mikro dengan kadar faedah sehingga 3.5% setahun termasuk fi jaminan. Tempoh bayaran balik pembiayaan ini adalah sehingga 7 tahun beserta moratorium sekurang-kurangnya selama 6 bulan. **Setakat 27 Mei 2022**, terdapat **35,431 jumlah permohonan** di mana **RM5.860 bilion** telah berjaya disalurkan kepada **24,962 PKS**.

Kemudahan yang ditawarkan pada kadar sehingga 3.5% setahun ini tersedia melalui institusi kewangan peserta, dengan perlindungan jaminan oleh Credit Guarantee Corporation (CGC) atau Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP). Kemudahan ini tersedia hingga 30 Jun 2022 atau setelah peruntukan digunakan sepenuhnya.

KEMUDAHAN PERTANIAN PEMAKANAN (AF)

Seperti yang diumumkan dalam pembentangan Bajet 2022, Kerajaan akan terus memacu pemodenan sektor pertanian dalam usaha untuk meningkatkan jaminan dan keselamatan makanan serta menjana pendapatan lebih tinggi dan menarik lebih ramai generasi muda agropreneur. Sehubungan dengan itu, Kemudahan Pertanian Pemakanan (AF) yang disediakan oleh BNM turut ditambah sebanyak RM500 juta menjadikan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM2 bilion bagi menyediakan akses pembiayaan kepada PKS untuk meningkatkan pengeluaran agromakanan negara dan untuk eksport. Kemudahan yang disediakan bagi perbelanjaan modal, pembangunan projek agromakanan dan modal kerja dengan had pembiayaan sebanyak RM5 juta ini ditawarkan pada kadar sehingga 3.75% setahun bersama tempoh pembiayaan sehingga 8 tahun. **Setakat 27 Mei 2022**, terdapat **2,997 permohonan** di mana **2,253 permohonan** telah berjaya diluluskan bernilai **RM1.766 bilion**. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.bnm.gov.my/covid19>

SKIM PEMBANGUNAN USAHAWAN MASYARAKAT INDIA (SPUMI)

Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) adalah satu inisiatif strategik Kerajaan di bawah TEKUN untuk membantu masyarakat India mempertingkatkan ekonomi menerusi penglibatan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Bagi masyarakat India yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan serta mereka yang ingin memajukan lagi perniagaan sedia ada, nilai pembiayaan yang disalurkan adalah dari RM1,000 sehingga RM100,000 bagi setiap usahawan mengikut kelayakan. Tempoh bayaran balik pembiayaan adalah sehingga 120 bulan (10 tahun) pada kadar 4% setahun. Program ini telah diberi peruntukan sebanyak RM20 juta, di mana RM5 juta adalah daripada Belanjawan 2021 manakala penambahan sebanyak RM15 juta adalah daripada Pakej PERMAI dan kini, diteruskan bagi tahun baharu 2022. Bagi tahun ini sahaja **setakat 20 Mei 2022, RM20.94 juta** telah berjaya disalurkan kepada **899 PKS Mikro**. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.tekun.gov.my/ms/usahawan-tekun/skim-pembangunan-usahawan-masyarakat-india-spumi-2/>

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN PROFESIONAL (ProSPEC)

Program Pembangunan Usahawan Profesional (ProSPEC) yang diperkenalkan oleh MARA kini memberi peluang kepada golongan profesional seperti doktor untuk menceburi bidang keusahawanan dan memahami selok-belok perniagaan berdasarkan kepakaran dimiliki mereka. Skim pembiayaan ini menyediakan pembiayaan kepada golongan profesional yang diiktiraf dan berdaftar sebagai ahli badan profesional yang berkenaan dengan had pembiayaan sehingga RM500,000 bagi modal pusingan, pembelian mesin, peralatan mahupun ubah suai premis perniagaan. **Setakat 20 Mei 2022**, sebanyak **RM2.8 juta** telah diluluskan bagi **9 ahli profesional** untuk menceburi bidang keusahawanan. Pemohon haruslah mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang profesional yang berkaitan mengikut tempoh dan kriteria tertentu yang ditetapkan oleh MARA. Untuk maklumat lanjut, sila layari https://www.mara.gov.my/bm/menu_keusahawanan/kemudahan-sokongan/pembiayaan-perniagaan/prospec/


PEMBIAYAAN SEKTOR PELANCONGAN PENJANA (PENJANA TOURISM FINANCING)

Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM600 juta bagi PKS dan PKS Mikro yang masih terkesan dengan penularan COVID-19. **Setakat 20 Mei 2022**, terdapat **774 permohonan** bagi pembiayaan ini, dan daripada jumlah ini sebanyak **407 permohonan** telah diluluskan dengan jumlah pembiayaan sebanyak **RM83.68 juta**. Untuk maklumat lanjut, sila layari https://www.bnm.gov.my/documents/20124/2294076/FAQ%20PENJANA%20Tourism%20Ofinancing_BM.pdf

Maklumat Tambahan Daripada BNM:

RM400 juta daripada dana asal RM1 bilion diperuntukkan semula bagi:


- Penubuhan Kemudahan Bantuan Bencana (DRF) untuk mengurangkan beban kewangan dan memulihkan operasi perniagaan PKS yang terjejas akibat banjir; dan
- Kemudahan Automasi Digital PKS (ADF) untuk memberi insentif kepada PKS untuk mengautomasikan proses dan mendigitalkan operasi untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan.



*Jumlah kumulatif

SOKONGAN PENGGUNAAN TEKNIKAL DAN DIGITAL BAGI PKS DAN SYARIKAT DI PERINGKAT PERTENGAHAN (MTC)

Di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM700 juta bagi membantu dan menggalak PKS dan MTC ke arah pendigitalan operasi dan saluran perdagangan. **Setakat 27 Mei 2022**, sejumlah **RM92.9 juta** telah disalurkan kepada **13,893 perniagaan** dalam bentuk geran dan pinjaman untuk langganan perkhidmatan digitalisasi.



*Jumlah kumulatif

PAKEJ PERJALANAN MY50

Kerajaan melalui Prasarana Malaysia Berhad (PRASARANA) telah memperuntukkan sebanyak RM115 juta sebagai pembayaran subsidi untuk menampung kos ditanggung PRASARANA dalam menyediakan inisiatif pas perjalanan tanpa had yang mengurangkan tambang biasa RM200 kepada RM50 sebulan. Pas perjalanan tanpa had yang terbuka kepada semua warganegara Malaysia ini boleh digunakan untuk perkhidmatan rel dan bas kendalian PRASARANA di Lembah Klang dan di Pulau Pinang. Pembelian My50 ini boleh dibuat di semua Pejabat Khidmat Pelanggan Rapid KL yang terletak di semua stesen LRT, MRT, Monorel, BRT dan Hab Bas Rapid KL serta Kiosk Rapid Penang yang tertentu. Untuk maklumat lanjut berhubung pas perjalanan tanpa had ini, sila layari


<https://myrapid.com.my/ms/resources/faqs/>

PROGRAM SUSTAINABILITY ACHIEVED VIA ENERGY EFFICIENCY (SAVE 3.0)

SAVE 3.0 merupakan sebuah program di bawah Sustainable Energy Development Authority (SEDA) yang menyediakan rebat sehingga RM400 bagi pembelian mana-mana peralatan rumah berlabel cekap tenaga 4 atau 5 bintang oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) pada tahun 2022. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang faedah dan amalan penggunaan kelengkapan cekap tenaga mahupun mengurangkan pelepasan gas rumah hijau akibat penjimatan penggunaan tenaga. Untuk maklumat lanjut, sila layari pautan agensi SEDA di <http://www.seda.gov.my/saveprogram/>

SOKONGAN BAGI SEKTOR SENI, BUDAYA DAN HIBURAN

Bagi Inisiatif Pemulihan CENDANA, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta yang dijangka akan memanfaatkan 3,000 penerima daripada kalangan seniman dan organisasi di dalam sektor seni dan budaya Malaysia. Penerima akan menerima saiz geran yang berbeza bergantung kepada permohonan dan program yang disasarkan. **Setakat 27 Mei 2022**, sebanyak **RM7.24 juta** telah disalurkan kepada **590 pemohon**. Para penggiat industri kreatif adalah disaran untuk menggunakan peluang kemudahan yang disediakan dan boleh memohon bantuan dari kedua-dua agensi berkaitan dengan melayari www.mycreative.com.my/penjana dan www.cendana.com.my untuk maklumat lanjut.



*Jumlah kumulatif